

CNS8739

U GB 14-09 00156 BA638

aab

Mahathir-agama

PEGANGI NILAI-NILAI AGAMA, NASIHAT PM

(I)

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau yakin rakyat negara ini tidak akan melupakan agama mereka sekalipun bila negara semakin makmur.

Beliau mengambil perhatian terdapat arah aliran di kalangan warga Malaysia yang menunjukkan mereka semakin berpegang teguh pada agama tanpa mengira kepercayaan mereka.

"Ini satu hal yang baik. Bila kita bercakap mengenai Wawasan 2020, kita menekankan pada nilai-nilai moral, bukan saja tentang pendapatan per kapita AS\$14,000 setahun, ini tidak memadai bagi kita," kata beliau.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan di majlis dialog dengan para peserta selepas menyampaikan ucap utamanya di seminar anjuran bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Institut Goethe di sini.

Seminar empat hari itu bertajuk "Peranan dan Pengaruh Agama dalam Masyarakat" yang bermula semalam disertai oleh kira-kira 150 sarjana ulung tempatan dan asing. - lagi.

▼14/09/15-37MST

CNS8771

U GB 14-09 00174 BA639

aab

Mahathir-agama 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir yang cukup menyedari pelbagai kendala dalam sesebuah masyarakat mewah berkata, kerajaan selama ini menekankan perlunya rakyat berpegang teguh kepada nilai-nilai agama ketika mereka meraih kekayaan lebih besar.

Wawasan 2020 adalah objektif negara menjadikan Malaysia sebuah negara industri menjelang 2020.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata berdasarkan kajian sepintas lalu tentang realiti yang berlaku dalam pelbagai masyarakat, isu yang sedang dihadapi ialah bagaimana sebuah negara boleh melahirkan rakyat atau masyarakat yang mempunyai kesedaran keagamaan yang mendalam, komited kepada nilai-nilai etika dan moral namun tetap paling progresif.

"Ini sesungguhnya amat perlu dan utama kerana kita boleh mencapai kemajuan kebendaan dengan perancangan dan kemajuan fizikal. Tetapi hakikat yang jelas ialah segala kekayaan material yang telah kita himpuni boleh hapus seluruhnya jika kita tidak mempunyai nilai-nilai moral yang luhur di kalangan orang-orang yang mengendalikannya," kata beliau.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai keruntuhan nilai moral di barat dan juga di negara-negara bekas Komunis yang pernah sama sekali menolak agama. - lagi.

▼14/09/16-08MST

CNS8804

U GB 14-09 00225 BA640

aab

Mahathir-agama 3 Kuala Lumpur

"Hubungan antara para anggota masyarakat barat kini amat bergantung pada faedah material dan kepuasan jiwa. Ketamakan diri memuncak dalam segala tindak tanduk untuk mencapai objektif ini," ujarnya.

Akibatnya, kata beliau, berlaku keruntuhan tidak dapat dielakkan institusi yang terbina seperti perkahwinan, keluarga, hormat kepada orang lebih tua, adat dan tradisi pada tempatnya, dan muncul nilai-nilai baru yang mengenenepikan segala yang berhubung kait dengan kepercayaan agama.

"Barat belum lagi mengikuti laluan Komunis itu tetapi keruntuhan sudah bermula. Kita tidak dapat meramalkan masa depan tetapi terdapat kemungkinan besar, apa yang telah menimpa Komunis akan juga menimpa mereka kecuali muncul kewarasan dan pengembalian kepada agama," kata beliau.

Masyarakat Islam pula, katanya, mengalami masalah yang berbeza. Menurut beliau mereka dimanipulasi dan dijadikan umpan dalam persengketaan melibatkan orang lain, akibat kedudukan mereka yang lemah dan tidak dapat menguasai haluan masa depan mereka sendiri.

Perdana Menteri berkata, pelampau Islam, yang berbangga sendiri dengan pegangan mereka terhadap Islam, adalah sebenarnya, punca kerosakan Islam dan menyebabkan agama itu mendapat imej yang buruk hingga menyekat dunia daripada memahami ajaran sebenar Islam.

Dr Mahathir berharap seminar itu "yang menemukan para pemikir Islam dan Kristian" tidak saja dapat membetulkan pandangan satu pihak kepada pihak lainnya tetapi juga mengembalikan agama kepada perspektifnya yang wajar. - Bernama.

TCL AZZ RS

•14/09/16-47MSP